

# Perogol dijel 13 tahun, enam sebatan

## Tukar pengakuan kepada bersalah atas tuduhan merogol gadis bawah umur, tahun lalu

NIK AMIRULMU'MIN NIK MIN

KUANTAN - Bekas pekerja bengkel dihukum penjara 13 tahun beserta enam sebatan oleh Mahkamah Sesyen Kuantan semalam selepas menukar pengakuan kepada bersalah atas tuduhan merogol gadis bawah umur, tahun lalu.

Hakim Hassan Abdul Ghani dalam keputusannya semalam memerintah tertuduh, Mohd Anuar Mohamed, 23, berasal dari Kampung Dalam Rhu, Tumpat, Kelantan menjalani hukuman itu bermula dari tarikh dia ditangkap, September 2008.

Tertuduh yang tidak diwakili peguam tiba-tiba terkedu dan hampir meraung mendengar

hukuman berat yang dihadapi seolah-olah tidak percaya dengan keputusan mahkamah itu.

Dia yang ditahan polis 11 September 2008 terpaksa akur dengan keputusan tersebut sebagai hukuman di atas perbuatan jijik yang dilakukan sehingga boleh menjejaskan masa depan gadis terbabit.

Dalam kejadian jam antara 8.30 malam hingga 10 malam, 9 September lalu, tertuduh tidak mempedulikan kemuliaan bulan Ramadan apabila merogol gadis yang ketika itu berusia 15 tahun 1 bulan di dalam sebuah ladang kelapa sawit di Felda Panching Timur dekat sini.

Dia yang sebelum ini dituduh di bawah Seksyen 376 (2) Kanun

Keseksaan iaitu terlibat merogol gadis berkenaan secara beramai-ramai mengaku tidak bersalah ketika dihadapkan ke mahkamah buat pertama kalinya pada 18 September 2008.

Tertuduh yang dibenarkan ikat jamin RM5,000 berserta syarat tambahan ketika itu gagal menjelaskan ikat jamin tersebut dan ditahan reman sepanjang kesnya dibicarakan sehinggalah mahkamah membuat keputusan semalam.

Sepanjang perbicaraan kes ini yang dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Mahadi Abdul Jumaat, pihak pendakwaan selesai memanggil lima saksi pendakwaan memberi keterangan.

Tertuduh tiba-tiba menukar

pengakuan selepas pihak pendakwaan bersedia memanggil saksi ke enam memberikan keterangan dalam perbicaraan kes itu yang seterusnya semalam.

Berikutan pengakuannya itu, mahkamah menetapkan prosiding semalam untuk mendengar keputusan sebelum meminda tuduhan yang dihadapi tertuduh daripada Seksyen 376 (2) Kanun Keseksaan kepada Seksyen 376 (1) akta sama yang memperuntukkan hukuman lebih ringan.

Tertuduh yang hadir dalam mahkamah yang disambung semula kira-kira jam 2.30 petang semalam untuk fakta kes dan keputusan mengekalkan pengakuannya sebelum dibenarkan membuat rayuan berhubung hukuman

yang bakal dihadapinya.

Tertuduh dalam rayuannya memohon mahkamah menjatuhkan hukuman yang lebih ringan dengan alasan sudah insaf dan tidak akan mengulangi kesalahan yang sama pada masa akan datang.

Dia juga cuba menarik simpati mahkamah apabila memaklumkan kedua orang tuanya di kampung sedang sakit dan berhajat untuk menjaga mereka selepas dibebaskan.

Mengambil kira faktor kesalahan dan rayuan tertuduh itu, mahkamah terpaksa menjatuhkan hukuman yang setimpal sebagai pengajaran terhadap tertuduh iaitu 13 tahun penjara berserta 6 sebatan.